

GARIS PANDUAN ANUGERAH KECEMERLANGAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Kertas ini disediakan untuk mendapatkan kelulusan Senat berkenaan Garis Panduan Anugerah Kecemerlangan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Anugerah Kecemerlangan Universiti Pendidikan Sultan Idris ini diwujudkan untuk memberi panduan kepada Jawatankuasa Hadiah dan Pengurusan Universiti bagi menetapkan kategori anugerah kecemerlangan.
- 2.2 Anugerah Kecemerlangan Pelajar telah diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Seiring dengan peredaran masa, kriteria pemilihan bagi Anugerah Pelajar Cemerlang UPSI perlu dilihat dari perspektif baharu supaya sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Penganugerahan dan pengiktirafan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan menggalakkan penglibatan pelajar yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum. Kepentingan aktiviti kokurikulum adalah sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
- 2.3 Oleh itu, penambahbaikan berkaitan penganugerahan ini akan menjadi pemangkin kepada pelajar untuk terus berusaha dan memberi sumbangan kepada UPSI dan pihak berkepentingan luar. Pengiktirafan kecemerlangan ini adalah komprehensif dan adil berdasarkan penilaian terhadap pelbagai aspek kecemerlangan supaya sejajar dengan keperluan domain hasil pembelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan UPSI.

3.0 Objektif

- 3.1 Mengiktiraf dan menghargai pelajar yang telah mencapai tahap kecemerlangan.
- 3.2 Menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik dan kokurikulum.
- 3.3 Mendorong pelajar untuk menyertai secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di pelbagai peringkat.
- 3.4 Menerapkan budaya kecemerlangan dalam pencapaian akademik, kokurikulum, kemahiran kepimpinan dan sahsiah pelajar.
- 3.5 Menggalakkan penyertaan pelajar dalam pelbagai aktiviti akademik supaya pelajar sentiasa berfikir kreatif dan inovatif.

4.0 Kategori Anugerah

4.1 Anugerah Utama

(Kategorinya ditetapkan dan diperakukan oleh Lembaga Pengarah Universiti.)

- 4.1.1 Anugerah Pelajaran DiRaja (APDR) – peringkat pengajian Sarjana Muda
- 4.1.2 Anugerah Pingat Emas Canselor (APEC) – peringkat pengajian Sarjana Muda
- 4.1.3 Anugerah Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti (APELPU) – peringkat pengajian Sarjana Muda
- 4.1.4 Anugerah Pingat Emas Naib Canselor (APENC) – peringkat pengajian Sarjana Muda
- 4.1.5 Anugerah Graduan Terbaik Diploma (AGTD) – peringkat pengajian Diploma
- 4.1.6 Anugerah Kecemerlangan Pelajar Antarabangsa (AKPA) – penerima adalah dari peringkat pengajian Ijazah Kedoktoran, Sarjana dan Sarjana Muda

- 4.1.7 Anugerah Bitara Ijazah Doktor Falsafah (Penerima adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah)

4.2 Anugerah Hadiah Buku

- 4.2.1 Anugerah Hadiah Buku Fakulti (setiap Fakulti) – peringkat pengajian Sarjana Muda
- 4.2.2 Anugerah Hadiah Buku Tokoh (nama anugerah adalah seperti yang dipersetujui oleh Fakulti dan Penyumbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah)
- 4.2.3 Anugerah Pingat Emas (nama anugerah adalah seperti yang dipersetujui oleh Fakulti dan Penyumbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah)

4.3 Anugerah Tokoh

- 4.3.1 Anugerah Tokoh (nama anugerah adalah seperti yang dipersetujui oleh Fakulti dan Penyumbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah).
- 4.3.2 Anugerah Kepimpinan (nama anugerah adalah seperti yang dipersetujui oleh Fakulti dan Penyumbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah).
- 4.3.3 Anugerah Khas (nama anugerah adalah seperti yang dipersetujui oleh Fakulti dan Penyumbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah).

Nota :

Hanya **Anugerah Utama** sahaja akan disampaikan pada Sesi 1 Istiadat Konvokesyen oleh DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, Canselor UPSI. Senarai nama semua penerima anugerah akan disenaraikan dalam Buku Cenderamata Konvokesyen.

5.0 Senarai Anugerah di UPSI

Seperti dibentangkan.

6.0 Pelaksanaan Pemilihan Calon Anugerah

Sistem E-Award's

7.0 Panduan Permohonan oleh Fakulti

- 7.1 Fakulti yang telah mencapai persetujuan untuk menerima sumbangan boleh mengemukakan cadangan mewujudkan anugerah untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Hadiah dengan melengkapkan maklumat berikut:
 - 7.1.1 Nama Hadiah
 - 7.1.2 Penyumbang hadiah (sama ada tokoh, industri atau organisasi)
 - 7.1.3 Kategori Anugerah (hadiah buku sumbangan tokoh, industri atau organisasi)
 - 7.1.4 Calon Penerima (sekiranya ianya hendak dicalonkan pada tahun tersebut)
 - 7.1.5 Kriteria Penganugerahan
 - 7.1.6 Bentuk hadiah
 - 7.1.7 Cara Pembayaran (Fakulti/PTj diminta mewujudkan akaun amanah hadiah untuk tujuan pembayaran selama sekurang-kurangnya 10 tahun)
 - 7.1.8 Penguatkuasaan penganugerahan
 - 7.1.9 Cara Pemilihan Calon
 - 7.1.10 Surat permohonan dan kertas cadangan
- 7.2 Permohonan boleh dibuat menggunakan borang seperti dibentangkan.

- 7.3 Penyumbang hadiah kecemerlangan sehingga kini tidak dihadkan kepada mana-mana individu dan penerima anugerah Ijazah Kehormat adalah digalakkan untuk memberikan sumbangan kepada UPSI.
- 7.4 Penyumbang juga boleh terdiri daripada individu yang masih berkhidmat dengan UPSI.
- 7.5 Carta alir permohonan adalah seperti berikut :

**CARTA ALIR PERMOHONAN ANUGERAH KECEMERLANGAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

